



PARUT dan kesan sengatan obor-obor pada badan Zoe Cahill.

Bangkok

Wanita warga Australia menyifatkan dirinya seperti mendapat peluang hidup kedua selepas menderita disengat obor-obor berhampiran perairan Koh Pha Ngan, Thailand.

Insiden itu menyebabkan Zoe Cahill, 23, dari Queensland terlantar di hospital selama lebih sebulan dan kini berkongsi kesedaran kepada pelancong lain mengenai bahaya berenang di Thailand.

Menurutnya, kejadian berlaku ketika dia dalam pengembaraan solo perta-

'Saya sangat takut melihat badan saya'

BM 25/11/24 MK 27

Wanita disengat obor-obor di Thailand terlantar sebulan di hospital

manya ke Asia Tenggara bagi meneroka Bali, Indonesia dan Thailand.

Sebelum ini Cahill pernah beberapa kali berenang di sekitar Ko Pha Ngan tanpa sebarang masalah, tetapi berdepan pengala-

man buruk pada Oktober lalu ketika berenang berhampiran Pantai Zen.

"Saya melihat sesuatu yang kelihatan seperti kepingan plastik di lautan dan dalam beberapa saat obor-obor itu menyengat

saya. Rasanya seperti elektrik menembusi badan saya," katanya.

Walaupun mengalami kecederaan, Cahill dapat teruskan berenang dan 50 meter dari tepi pantai, badannya tiba-tiba rasa ber-

getar sebelum dia jatuh dan badannya menjadi biru.

Orang ramai segera membantunya ketika itu, termasuk ada yang menuang cuka yang didakwanya langkah pencegahan yang baik.

Wanita itu dihantar ke hospital tempatan sebelum dirujuk ke hospital Koh Samui untuk rawatan lanjut disebabkan keadaannya yang serius.

Katanya proses pemulihannya mengambil masa lama dengan dia juga tidak boleh berjalan selama dua minggu kerana berasa seperti disengat.

Di akaun Instagramnya, Cahill berkongsi rasa syukur kerana masih hidup dengan berkata, "saya sangat takut melihat badan saya... di mana-mana pun ada parut. Tetapi saya bersyukur saya masih hidup hari ini." - Agensi